



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

PEGAWAI AWAM, PESARA NIKMATI POTONGAN HARGA HINGGA 50 PERATUS DI GIANT DESTINA PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 21 OGOS 2026 – Pegawai awam dan pesara kerajaan kini berpeluang menikmati **potongan harga sehingga 50 peratus** bagi pembelian produk makanan dan minuman terpilih di Uncle Jack Fried Chicken, Kyojin Sushi serta Mercato Café & Bakery di Giant Destina Putrajaya **sehingga 31 Ogos 2026**.

Tawaran istimewa oleh **GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd.** itu diberikan sempena pembukaan rasmi Giant Hypermarket di Destina Putrajaya pada 13 Ogos lalu sebagai tanda penghargaan terhadap khidmat bakti dan sumbangan pegawai awam serta pesara kerajaan kepada negara.

Bagi menikmati tawaran tersebut, pegawai awam hanya perlu menunjukkan **pas pekerja**, manakala pesara kerajaan boleh mengemukakan **kad pesara kerajaan fizikal atau kad pesara digital melalui aplikasi MyPesara**.

Kerjasama dengan GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd. turut memperluas jaringan strategik di bawah **MyPesara Plus**, inisiatif Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang memberi akses kepada pesara kerajaan untuk menikmati pelbagai manfaat dan keistimewaan hasil kerjasama dengan rakan strategik.

MyPesara Plus diperkenalkan JPA pada 24 Julai 2026 dengan kerjasama Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] sebagai usaha memperluas manfaat kepada pesara kerajaan menerusi penyertaan sektor swasta, sektor awam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Sejak diperkenalkan, **MyPesara Plus** kini menghimpunkan **33 rakan strategik** yang menawarkan pelbagai manfaat dan keistimewaan kepada pesara kerajaan dalam bidang termasuk makanan dan minuman, kesihatan, perlindungan serta perkhidmatan lain.

Pesara kerajaan boleh mendapatkan maklumat mengenai tawaran dan keistimewaan terkini daripada rakan strategik melalui aplikasi MyPesara,

sekali gus menjadikan platform tersebut sebagai saluran yang lebih mudah untuk mengakses manfaat yang disediakan.

Penyertaan GCH Retail (Malaysia) Sdn. Bhd. mencerminkan komitmen berterusan JPA untuk memperluas jaringan kerjasama strategik dan menggalakkan lebih banyak pihak tampil menawarkan manfaat yang relevan serta bernilai tambah kepada pesara kerajaan.

JPA akan terus meneroka kerjasama dengan sektor swasta, sektor awam dan NGO bagi membangunkan ekosistem manfaat pesara yang lebih menyeluruh, inklusif dan mampan, selaras dengan usaha memastikan kebajikan serta kesejahteraan pesara kerajaan terus diberi perhatian.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 21 Ogos 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (63)